UNIT 1

# PEMBENTUKAN MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### IDEA PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Pengarah British North Borneo Company iaitu Lord Brassey (1887) (Syarikat Borneo Utara British). Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat.
- Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aninurrashid (1938) juga memperjuangkan idea penggabungan melalui konsep Melayu Raya pada tahun 1938. Konsep melayu Raya merangkumi Tanah Melayu, Singapura, seluruh Kalimantan, Kepulauan Filipina dan Kepulauan Indonesia.
- Gabenor Janeral British di Asia Tenggara pada tahun 1951 iaitu Malcom Macdonald telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan Pembentukan Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman iaitu Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan agar Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

**SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN MALAYSIA**

1. Menjamin keselamatan negara
2. Mencapai keseimbangan kaum
3. Mempercepatkan kemerdekaan
4. Memajukan sosioekonomi

### LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

| | |
|---|---|
| **27 Mei 1961 Adelphi** | Tunku Abadul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Singapura. |
| **Julai 1961 Malaysia** | Mengadakan lawatan ke Sarawak untuk menerangkan idea pembentukan Malaysia. |
| **23 Julai 1961** | Menubuhkan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) untuk menyakinkan pemimpin Sarawak dan Sabah. |
| **17 Januari 1962** | Pembentukan Suruhanjaya Cobbold untuk mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah. |
| **21 Jun 1962** | Menyerahkan laporan Suruhanjaya Cobbold kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu. |
| **30 Ogos 1962** | Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) diadakan. Menyediakan rangka perlembagaan untuk melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah. |
| **1 September 1962** | Referandum diadakan di Singapura. Rakyat Singapura bersetuju dengan pembentukan Malaysia. |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

| | |
|---|---|
| **9 Julai 1963** | Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London. |
| **12 Ogos 1963** | Penubuhan United Nations Malaysia Mission (UNMM) bagi mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah. |
| **16 September 1963** | Pemasyhuran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan City Hall, Singapura. |

## TOKOH DALAM PEMBENTUKAN MALAYSIA

1

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

2

Tun Abdul Razak Bin Hussein

3

Tun Temenggung Jugah anak Barieng

4

Tun Datu Mustapha bin Datu Harun

5

Lee Kuan Yew

6

Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan

7

Tun Muhammad Fuad Stephens

8

Datu Bandar Abang Haji Mustapha

9

Tun Muhammad Ghazali Shafie

10

Tan Sri Wong Pow Nee

11

Tun V. T. Sambanthan


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

## KAJIAN DOKUMEN DAN NEGERI-NEGERI YANG TERLIBAT DENGAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

**Dokumen Pemasyuran Malaysia**



**Negeri-negeri yang membentuk Malaysia**




Peta negeri yang meyertai Malaysia 1963.

### CABARAN-CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Sarawak – SUPP menolak rancangan pembentukan Malaysia kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

- Indonesia – Mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia (1963-1966) kerana menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.

- Filipina – Mendakwa Sabah adalah sebahagian daripada wilayahnya.

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 2

# NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### NAMA-NAMA NEGERI DI MALAYSIA

### IBU NEGERI DAN BANDAR DIRAJA

### KETUA-KETUA NEGERI DI MALAYSIA

| Negeri | Bandar Diraja | Ibu Negeri | Ketua Negeri | Asal usul |
|---|---|---|---|---|
| Perlis | Arau | Kangar | Raja | • Berasal dari perkataan Siam "prow-lowy" yang bermaksud "kelapa hanyut".<br>• Dikatakan juga berasal dari perkataan "peroleh" yang dikaitkan dengan peristiwa Sultan mengurniakan mandat kepada Raja Syed Hussein Jamalullail kerana membantu Perlis menentang Siam. |
| Kedah | Anak Bukit | Alor Setar | Sultan | • Berasal daripada perkataan "Kheddah" yang bermaksud "perangkap gajah".<br>• Dikatakan juga berasal dari perkataan arab "Qaddah" yang bermakna cawan atau gelas berkaki.<br>• Tulisan Tamil mencatatkan Kedah sebagai "kadaram" atau "kalagam" |
| Pulau Pinang | – | Georgetown | Yang di-Pertuan Negeri | • Nama asal ialah Pulo Ka Satu.<br>• Dikaitkan juga dengan buah pinang. |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Perak | Kuala Kangsar | Ipoh | Sultan | • Nama sempena "kilatan ikan di dalam air" yang berkilau seperti perak.<br>• Dikaitkan dengan warna bijih timah berkilat yang banyak terdapat di negeri itu. |
| Selangor | Klang | Shah Alam | Sultan | • Bersempena dengan nama pokok mentagau.<br>• Dikaitkan dengan sejenis serangga iaitu selangur. |
| Negeri Sembilan | Seri Menanti | Seremban | Yang di-Pertuan Besar | • Gabungan Sembilan buah luak, iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Johol, Jelai, Ulu Pahang, Naning, Segamat dan Klang. |
| Melaka | – | Bandar Melaka | Yang di-Pertua Negeri | • Berasal dari perkataan "Malakat" yang bermaksud perhimpunan para pedagang.<br>• Bersempena dengan nama pokok. |
| Johor | Bandar Maharani | Johor Baharu | Sultan | • Berasal dari perkataan Arab iaitu "Jauhar" yang bererti batu permata.<br>• Dikenali dengan nama Ujong tanah dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. |
| Pahang | Pekan | Kuantan | Sultan | • Bersempena dengan nama pokok iaitu pokok mahang. |
| Terengganu | – | Kuala Terengganu | Sultan | • Daripada sebutan "taring anu".<br>• Daripada perkataan "terangnya ganu" yang dikaitkan dengan Pelangi. |
| Kelantan | – | Kota Bharu | Sultan | • Berasal daripada perkataan "kilatan".<br>• Bersempena dengan nama pokok iaitu 'gelam hutan" atau "kelam hutan" |
| Sarawak | – | Kuching | Yang di-Pertuan Negeri | • Dikaitkan dengan Sungai Serak.<br>• Panggilan Portugis iaitu "cerava" |
| Sabah | – | Kota Kinabalu | Yang di-Pertuan Negeri | • Dikaitkan dengan nama "pisang saba".<br>• Tercatat dalam dokumen sejarah bertajuk "Maharajah of Sabah" pada tahun 1877. |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### BENDERA, LAGU DAN JATA SEBAGAI LAMBANG NEGERI

| BENDERA | JATA | LAGU NEGERI |
|---|---|---|
|  **Perlis** |  | Aamiin-Aamiin |
|  **Kedah** |  | Allah Selamatkan Sultan Mahkota |
|  **Pulau Pinang** |  | Untuk Negeri Kita |
|  **Perak** |   | Allah Lanjutkan Usia Sultan |
|  **Selangor** |   | Duli Yang Maha Mulia |
|  **Melaka** |   | Melaka Maju Jaya |
|  **Negeri Sembilan** |  | Berkatlah yang di-Pertuan Besar |



© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

| BENDERA | JATA | LAGU NEGERI |
|---|---|---|
|  **Johor** |  | Lagu Bangsa Johor |
|  **Pahang** |  | Allah Selamatkan Sultan Kami |
|  **Kelantan** |  | Selamat Sultan |
|  **Terengganu** |  | Selamat Sultan |
|  **Sabah** |  | Sabah Tanah Airku |
|  **Sarawak** |  | Ibu Pertiwiku |
|  **Wilayah Persekutuan** |  | Maju dan Sejahtera |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 3

# RUKUN NEGARA

## NOTA EFEKTIF

### LATAR BELAKANG RUKUN NEGARA

- Dimasyhurkan sebagai Pengisytiharan Diraja oleh Duli Yang maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keempat.
- Diisytiharkan bersempena ulang tahun Hari Kebangsaan yang ke-13 pada 31 Ogos 1970.
- Diperkenalkan oleh Jawatankuasa Rukun Negara yang terletak di bawah Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada 4 Mac 1970.

### SEBAB SEBAB PENGENALAN RUKUN NEGARA

#### Perbezaan kegiatan ekonomi

- Pekerja dari luar dibawa masuk semasa pentadbiran British bertujuan bekerja dalam sektor ekonomi.
- Wujud jurang ekonomi apabila masyarakat diasingkan dari segi kegiatan ekonomi utama.
- Orang Melayu – Pertanian sara diri.
- Orang Cina – Perlombongan / Perniagaan.
- Orang India – Perladangan.

#### Pengasingan Tempat Tinggal

- Peluang interaksi antara masyarakat terhad apabila berlaku pengasingan tempat tinggal.
- Orang Melayu – Tinggal di kampung / di kawasan pendalaman.
- Orang Cina – Tinggal di bandar.
- Orang India – Tinggal di kawasan ladang.

#### Perbezaan Fahaman Politik

- Hubungan pelbagai kaum semakin renggang apabila terdapat perbezaan fahaman politik
- Keadaan ini membawa rusuhan kaum, iaitu peristiwa 13 Mei 1969.

### MATLAMAT DAN PRINSIP RUKUN NEGARA

**PRINSIP RUKUN NEGARA**

- *Kepercayaan kepada Tuhan*
- *Kesetiaan Kepada Raja dan Negara*
- *Keluhuran Perlembagaan*
- *Kedaulatan Undang-undang*
- *Kesopanan dan Kesusilaan*


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### Kepercayaan Kepada Tuhan

- Agama sebagai pegangan rakyat Malaysia.
- Dapat melahirkan rakyat yang menghormati amalan beragama masyarakat lain.

### Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

- Setiap warganegara Malaysia memberikan sepenuh taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
- Menjadikan masyarakat Malaysia bersatu padu dan mempunyai semangat patriotik.

### Keluhuran Perlembagaan

- Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara.
- Menuntut agar rakyat Malaysia menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

### Kedaulatan Undang-Undang

- Setiap rakyat Malaysia perlu menghormati dan mematuhi segala undang-undang yang ditetapkan.
- Kepatuhan kepada undang-undang dapat menjamin keharmonian masyarakat dan keselamatan negara.
- Sebagai rakyat, kita perlulah mempertahankan kedaulatan undang-undang.

### Kesopanan dan Kesusilaan

- Amalan nilai murni melambangkan keperibadian rakyat Malaysia.
- Dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin, berakhlak mulia dan hidup harmoni.
- Dapat melahirkan masyarakat saling memahami dan bekerjasama.

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

## PERANAN RUKUN NEGARA

| Peranan | Impak/Kesan |
|---|---|
| Meraikan kepelbagaian agama dan kepercayaan | – Prinsip kepercayaan kepada Tuhan berperanan membentuk masyarakat yang patuh pada ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.<br>– Melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai sikap rendah diri, sentiasa bersyukur dan menghargai nikmat yang diberi oleh Tuhan.<br>– Dapat mengelakkan perasaan dengki, khianat, amalan rasuah, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan moral. |
| Membentuk masyarakat Malaysia yang patriotik | – Membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat patriotik yang cinta akan negara.<br>– Semangat patriotik dapat melahirkan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban untuk negara. |
| Memupuk sikap menghormati undang-undang. | – Membimbing rakyat daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang menggugat keselamatan negara.<br>– Kepatuhan kepada undang-undang dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara. |
| Mengukuhkan perpaduan masyarakat | – Semangat permuafakatan dan sikap toleransi perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia.<br>– Melalui Rukun Negara rakyat dapat memahami dan menghormati budaya kaum lain. |
| Menerap nilai murni | – Rukun Negara dapat memupuk masyarakat yang mempunyai nilai kesopanan yang tinggi dan berbudi pekerti mulia.<br>– Mewujudkan hubungan yang harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat. |
| Membentuk jati diri masyarakat Malaysia. | – Selain daripada membentuk jati diri yang unggul, Rukun Negara juga berperanan untuk membentuk individu yang berintegriti. |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 4

# KAUM DI MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA

**Kaum yang Terdapat di Malaysia**

- Melayu
- Orang Asli
- Serani
- India
- Bajau Sama
- Orang Asli
- Cina
- Chetti
- Sikh
- Murut
- Siam
- Kenyah
- Bidayuh
- Melanau
- Rungus
- Iranun
- Iban
- Rungus
- Baba dan Nyonya
- Kadazandusun

Internet

Buku rujukan

## NOTA EFEKTIF

### PETEMPATAN DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MALAYSIA DAHULU DAN KINI

| Kaum | Dahulu | | Kini | |
|---|---|---|---|---|
| | Kediaman | Kegiatan Ekonomi | Kediaman | Kegiatan Ekonomi |
| Melayu | • Kampung<br>• Persisiran pantai<br>• Sungai | • Nelayan<br>• Petani<br>• Peniaga kecil-kecilan<br>• Perkhidmatan awam | • Negara semakin makmur setelah merdeka dan pembentukan Malaysia.<br>• Pelbagai dasar telah dirancang oleh pemimpin untuk pembangunan negara.<br>• Usaha untuk menghapuskan kegiatan ekonomi berasaskan kaum menampakkan kejayaan.<br>• Sikap toleransi masyarakat Malaysia berjaya diterapkan sehinggakan masyarakat pada hari ini mampu bekerja bersama-sama dan tinggal di dalam satu kawasan perumahan.<br>• Mengutamakan kesejahteraan negara melebihi kepentingan sendiri telah berjaya membentuk Malaysia yang bersatu padu.<br>• Kemakmuran ekonomi negara membolehkan rakyat Malaysia hidup bersama dan aman tanpa pemisahan tempat tinggal. | |
| Cina | • Bandar<br>• Pekan | • Pelombong bijih timah<br>• Peniaga | | |
| India | • Pinggir bandar<br>• Ladang | • Buruh ladang<br>• Peniaga kecil-kecilan<br>• Pekerja pelabuhan | | |
| Orang Asli | • Pedalaman di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu | • Hasil kraf tangan<br>• Berburu<br>• Mengutip hasil hutan | | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### ALAT MUZIK DAN TARIAN TRADISIONAL DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

| Kaum/Etnik | Alat Muzik | Tarian |
|---|---|---|
| Masyarakat Melayu | • Angklung<br>• Gambus<br>• Nafiri<br>• Geduk | • Tarian makyung<br>• Tarian zapin<br>• Tarian inang |
| Masyarakat Cina | • Gendang<br>• Bo<br>• Liu Qin<br>• Seruling | • Tarian singa<br>• Tarian naga<br>• Tarian kipas |
| Masyarakat India | • Pullangkulal<br>• Talam<br>• Mattalam<br>• Veenai | • Tarian baratha natyam<br>• Tarian kathakali<br>• Tarian kathak |
| Masyarakat Sarawak | • Sape<br>• Engkururai<br>• Engkerumong<br>• Gendang | • Tarian ngajat |
| Masyarakat Sabah | • Kulintangan<br>• Sompoton<br>• Tongkungon<br>• Tontog | • Tarian sumazau<br>• Tarian adai-adai<br>• Tarian daling-daling |
| Masyarakat Orang Asli | • Buluh centong<br>• Gendang<br>• Kereb<br>• Pensol<br>• Tetawak | • Tarian sewang |
| Masyarakat Sikh | • Dram dhol<br>• Kayu Besar<br>• Harmonika<br>• Tamborin | • Tarian bhangra |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT MALAYSIA

| Nama Permainan | Jenis Permainan |
|---|---|
| Permainan Anjung | Congkak, Batu Seremban, Go atau Weiqi, Yoyo Cina atau Diabolo, Chaturangam, Paramapadham |
| Permainan Laman | Sepak Raga, Chap Teh, Kabaddi |
| Permainan Kawasan Lapang | Wau, Tibau, Sepak manggis, Gasing |

### CERITA RAKYAT BERUNSUR TEMPATAN DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

- Cerita yang wujud dan berkembang dalam masyarakat pada zaman dahulu
- Disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi.
- Cerita ini tiada pemilik khusus tetapi ada unsur nasihat dan pengajaran.
- Antara cerita-cerita rakyat adalah seperti berikut:

1 Si Luncai dengan Labu-labunya
2 Lagenda Santubong Sang Puteri (Sarawak)
3 Legenda Nunuk Ragang (Sabah)


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 5

# AGAMA DAN KEPERCAYAAN

## NOTA EFEKTIF

### AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA

| Agama | Ajaran | Nama Kitab |
|---|---|---|
| Islam | – Agama yang merangkumi segala aspek. Hanya menyembah Allah Yang Maha Esa<br>– Percaya kepada Rukun Iman dan Rukun Islam | Berpandukan al-Quran dan Hadis |
| Kristian | – Penganut percaya agama ini dibawa oleh Jesus Christ<br>– Hari Ahad dikhaskan untuk aktiviti keagamaan di gereja | Bible |
| Buddha | – Mengamalkan ajaran yang diasaskan oleh Siddharta Gautama. Dikenali sebagai Buddha.<br>– Percaya ajaran berasaskan Empat Kebenaran Mulia yang dapat dicapai melalui jalan Lapan Lapis Mulia | Tipitaka |
| Hindu | – Mempercayai Hukum Karma<br>– Berkaitan dengan kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati | Veda |
| Sikh | – Diasaskan oleh Guru Nanak.<br>– Tradisi dan ajaran agama berkaitan dengan sejarah, masyarakat dan budaya kaum sikh<br>– Percaya adanya satu Tuhan bernama Waheguru | Sri Guru Granth Sahib |
| Konfusius | – Diasaskan oleh Kung Fu Tze. Menekankan prinsip moral yang tinggi seperti perikemanusiaan, kesusilaan dan ketaatan kepada ibu bapa | Buku Analek |
| Tao | – Diasaskan oleh Lao Tzu<br>– Percaya kepada kepentingan keharmonian hidup dengan alam semesta<br>– Kehidupan manusia ditentukan oleh Tao yang bermaksud 'jalan" | Buku Tao Te Ching |

## NOTA EFEKTIF

**Kepercayaan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia**

- Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Pulau Carey mengadakan upacara Puja Pantai.
- Tujuan untuk mendapat perlindungan dan pengampunan daripada semangat laut
- Percaya bahawa penyakit disebabkan kuasa jahat
- Masyarakat Orang Asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat
- Masyarakat orang asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat

**Kepercayaan masyarakat di Sarawak dan Sabah**

| Kaum | Kepercayaan |
|---|---|
| Iban | – Percaya kepada Petara (Dewa) akan menyampaikan sebarang alamat dan petanda melalui mimpi dan bayangan.<br>– Upacara Miring dimulakan dengan jampi mentera<br>– Dilakukan oleh seorang penyair yang dipanggil Lemambang |
| Bisaya | – Suku kaum di Sarawak yang bekerja sebagai petani<br>– Percaya kepada kuasa ghaib<br>– Membaca jampi mentera untuk elak gangguan kuasa ghaib semasa membuka kawasan pertanian baharu<br>– Menjalankan upacara Tamarok untuk halau kuasa ghaib dari badan pesakit |
| Bajau | – Terdapat masyarakat bajau yang masih menjalankan upacara Ngeduang.<br>– Keluarga si mati menjamu makanan kepada tetamu sebagai sedekah.<br>– Diamalkan di bahagian pantai barat Sabah (Kota Belud)<br>– Etnik Bajau di (Semporna) mengadakan upacara Mag'ombo bermaksud menghargai dan menghormati warisan turun-temurun nenek moyang agar dirahmati |
| Kadazandusun | – Percaya Tuhan Kinorohingan untuk meminta keselamatan dan perlindungan<br>– Percaya semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau (Maga'au)<br>– Diketuai oleh ketua bomoh terkenal seperti Bobohizan |

### AGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

| | |
|---|---|
| Perkara 3(1) | Perkara 11(1) |
| Perkara 3(2) | Perkara 11(3)(a) |
| Perkara 3(3) | |
| Perkara 3(5) | |

### RUMAH IBADAT DI MALAYSIA

Islam – Masjid
Kristian – Gereja
Buddha – Tokong
Konfusius dan Tao – Tokong
Hindu – Kuil
Sikh – Gurdwara


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 6

# PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### PERAYAAN UTAMA MASYARAKAT DI MALAYSIA

| Perayaan | Pernyataan |
|---|---|
| Hari Raya Aidilfitri | • Disambut oleh masyarakat Islam.<br>• Diraikan 1 Syawal dalam bulan Islam.<br>• Menandakan kegembiraan selepas umat Islam menjalani ibadah puasa sebulan. |
| Hari Raya Aidiladha | • Disambut oleh masyarakat Islam.<br>• Disambut pada 10 Zulhijjah mengikut kalendar Islam.<br>• Diteruskan pada hari tasyrik pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.<br>• Ada ibadah korban dan daging korban disedekahkan. |
| Tahun Baharu Cina | • Disambut oleh masyarakat Cina.<br>• Diraikan pada hari pertama menurut kalender Cina.<br>• Perayaan bermula dengan seluruh ahli keluarga berkumpul untuk makan malam bersama-sama.<br>• Perayaan ini berlarutan selama 15 hari hingga hari “Chap Goh Meh”. |
| Deepavali | • Disambut pada bulan Aippasi mengikut kalendar masyarakat Hindu<br>• Perayaan yang menandakan kecerahan mengatasi kegelapan atau kebijaksanaan mengatasi kejahilan.<br>• Penganutnya akan menghias rumah dengan “kolam” dan menyalakan pelita. |
| Thaipusam | • Diraikan pada bulan ke-10 menurut kalendar masyarakat Hindu yang jatuh pada bulan penuh antara akhir Januari hingga awal Februari.<br>• Bagi pembayar niat, mereka membawa persembahan kepada Dewa Murugan sebagai tanda terima kasih atau meminta hajat lain. |
| Hari Gawai | • Disambut oleh kaum Dayak, Iban dan Bidayuh pada 1 Jun setiap tahun.<br>• Menunjukkan tanda kesyukuran terhadap hasil tani yang diperoleh.<br>• Persembahan ngajat turut diadakan di dalam rumah panjang ketika perayaan ini disambut. |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

| Perayaan | Pernyataan |
|---|---|
| Pesta Keamatan | • Disambut oleh kaum Kadazandusun dan Murut pada bulan Mei setiap tahun.<br>• Disambut oleh golongan petani bagi mensyukuri hasil tuaian.<br>• Semasa pesta berlangsung, diadakan upacara ritual Magavau oleh Bobohizan.<br>• Tarian Sumazau dan pertandingan Unduk Ngadau diadakan bagi memeriahkan sambutan. |
| Krismas | • Disambut oleh penganut agama Kristian pada 25 Disember setiap tahun.<br>• Diraikan bersempena dengan memperingati hari kelahiran Jesus Christ.<br>• Pemberian hadiah dan nyanyian karol dari rumah ke rumah memeriahkan perayaan. |
| Hari Wesak | • Disambut oleh masyarakat beragama Buddha pada bulan Mei setiap tahun.<br>• Perayaan ini dikaitkan dengan tiga peristiwa penting dalam hidup Siddharta Gautama, iaitu hari kelahiran, hari mencapai kesempurnaan fikiran dan hari nirwananya.<br>• Ketika perayaan penganutnya akan memandikan patung Buddha Siddharta yang bermakna penyuci diri serta mengagihkan makanan kepada sami. |
| Vaisakhi | • Disambut oleh kaum sikh pada bulan keempat Vaisakh mengikut kalendar Sikh.<br>• Pada 14 hari bulan Vaisakh, kaum sikh akan mengadakan upacara sembahyang di Guadwara.<br>• Disambut bagi mensyukuri hasil tanaman.<br>• Tarian Bhangra dan Gidha akan disambut di luar kawasan Gurdwara. |
| Sambutan Tahun Baharu Genggulang dan Hari Moyang | • Adalah sambutan Tahun Baharu Orang asli.<br>• Dikenali sebagai  sambutan “Tahon Baro” bagi suku Jakun.<br>• Suku Semai menyebutnya sebagai “Jis Pai”.<br>• Suku Temuan mengenalinya sebagai “Tahun Bahauk”. Suku Mah Meri menyebutnya sebagai “Tawun Empai”.<br>• Perayaan ini bermula 31 Disember setiap tahun.<br>• Suku Semai meraikan Hari Genggulang dengan berdoa agar wujud kesejahteraan di kampong.<br>• Masyarakat Orang Asli di Selangor dan Negeri Sembilan meraikan “ Hari Moyang”. |
| San Pedro | • Disambut oleh masyarakat Portugis di Melaka pada bulan Jun setiap tahun.<br>• Perayaan ini meraikan San Pedro iaitu penaung nelayan.<br>• Kapal-kapal akan dihias indah oleh nelayan.<br>• Tarian branyo yang diwarisi sejak dahulu lagi akan ditarikan pada hari tersebut. |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

## TUJUAN PERAYAAN MASYARAKAT MALAYSIA

1 Menurut tuntutan agama – Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Krismas dan Thaipusam.
2 Meraikan Tahun Baharu – Tahun Baharu Cina, Tahon Baro, Jis Pai, Tahun Bahauk Tawun Empai.
3 Sebagai tanda kesyukuran – Hari Gawai, San Padro, Vaisakhi, Pesta Kaamatan
4 Mengharapkan unsur baik mengatasi unsur kejahatan – Deepavali
5 Mengingati tokoh agama – Hari Wesak

## CARA SAMBUTAN PERAYAAN DAHULU DAN KINI

| Sambutan dahulu | Perayaan | Sambutan sekarang |
|---|---|---|
| – Mengambil foto keluarga di kedai<br>– Kad ucapan dihantar melalui pos atau serahan tangan<br>– Bahan dan kaedah tradisional digunakan bagi menyediakan kuih-muih. | **Hari Raya Aidilfitri** | – Swafoto bersama keluarga dan memuat naiknya di media sosial<br>– Ucapan dihantar menggunakan media elektronik dan media sosial<br>– Penggunaan peralatan moden atau kuih raya dibeli di pasar raya atau kedai. |
| – Makan besar di rumah bersama-sama ahli keluarga pada malam Tahun Baharu Cina. | **Tahun Baharu Cina** | – Makan malam diadakan di restoran atau hotel. |
| – Menyediakan "kolam" yang diperbuat daripada tepung | **Deepavali** | – "Kolam" yang dihasilkan berwarna-warni yang diperbuat daripada beras dan hampas kelapa. |
| – Diraikan oleh golongan petani daripada kaum Dayak.<br>– Mengadakan upacara ritual | **Hari Gawai** | – Diraikan oleh pelbagai kaum tanpa mengira bidang pekerjaan. |
| – Pemilihan pemenang pertandingan Unduk Ngadau berdasarkan semangat Huminodun | **Pesta Keamatan** | – Pemilihan pemenang Unduk Ngadau berdasarkan sesi soal jawab mengenai sejarah dalam kehidupan masyarakat lampau. |

**AMALAN YANG TERUS KEKAL KETIKA SAMBUTAN PERAYAAN**

- Tradisi balik kampung
- Amalan kunjung-mengunjung
- Pemberian duit raya/angpow

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# UNIT 7 PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### KENALI PERDANA MENTERI KITA

- Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan yang mengetuai pentadbiran negara.
- Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bendahara merupakan Ketua Pembesar kerajaan.
- Jawatan Perdana Menteri diwujudkan selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

### PERDANA MENTERI KEBANGGAAN NEGARA

| Foto | Bilangan | Nama | Tarikh Lahir | Gelaran |
|---|---|---|---|---|
| 1  | Perdana Menteri Pertama | Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah | 8 Februari 1903 | Bapa Kemerdekaan |
| 2  | Perdana Menteri Ke-2 | Tun Abdul Razak bin Hussein | 11 Mac 1922 | Bapa Pembangunan |
| 3  | Perdana Menteri Ke-3 | Tun Hussein bin Onn | 12 Februari 1922 | Bapa Perpaduan |
| 4  | Perdana Menteri Ke-4 dan Ke-7 | Tun Dr. Mahathir bin Mohamad | 10 Julai 1925 | Bapa Pemodenan |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5  | Perdana Menteri Ke-5 | Tun Abdullah bin Ahmad Badawi | 26 November 1939 | Bapa Pembangunan Modal Insan |
| 6  | Perdana Menteri Ke-6 | Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak | 23 Julai 1953 | Memperkenalkan Gagasan 1 Malaysia |
| 8  | Perdana menteri Ke-8 | Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin | 15 Mei 1947 | Menjadi Perdana Menteri dari 1/3/2020 – 16 /8/ 2021 |
| 9  | Perdana Menteri Ke-9 | Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob | 18 Januari 1960 | Menjadi Perdana Menteri pada 20/8/2021 |

## TUGAS-TUGAS PERDANA MENTERI

1 Menasihat Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan pemerintahan negara
2 Mengiringi Yang di-Pertuan Agong ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja
3 Mencadangkan senarai Jemaah Menteri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
4 Mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri
5 Menjadi ketua pentadbir utama yang merancang dan menyelaras semua dasar negara
6 Memastikan semua dasar pembangunan negara dapat ditingkatkan demi kesejahteraan rakyat
7 Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara luar
8 Memcadangkan pelantikan duta, diplomat dan konsulat bagi mewakili negara untuk menjalinkan kerjasama dengan negara lain

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## PENCAPAIAN NEGARA DI BAWAH KEPIMPINAN PERDANA MENTERI

| Pemimpin | Pencapaian |
|---|---|
| Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj | ▪ Memperjuangkan kemerdekaan negara secara rundingan<br>▪ Berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 |
| Tun Abdul Razak Hussein | ▪ Mengembalikan keamanan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 melalui MAGERAN<br>▪ Perkenalkan Dasar Ekonomi Baru untuk basmi kemiskinan rakyat<br>▪ Menyusun semula masyarakat berbilang kaum |
| Tun Hussein bin Onn | ▪ Memperkenalkan Amanah Saham Nasional Berhad bagi memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad<br>▪ Perkenalkan Program Rukun Tetangga bagi menggalakkan perpaduan di kalangan berbilang kaum |
| Tun Dr. Mahathir Mohamad | ▪ Memajukan negara melalui Wawasan 2020<br>▪ Memperkenalkan sektor perindustrian berteknologi tinggi |
| Tun Abdullah Ahmad Badawi | ▪ Memperkenalkan Koridor Wilayah Ekonomi untuk pastikan pembangunan ekonomi seimbang.<br>▪ Memperkenal Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk membina masyarakat yang bermoral dan beretika. |
| Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak | ▪ Memperkenalkan Gagasan 1Malaysia pada 3/4/2009 bertujuan memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara kaum demi kesejahteraan negara<br>▪ Melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menjadikan negara berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020 |
| Tan Sri Mahiaddin Md Yassin | ▪ Menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) untuk menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi dan meningkatkan pelaburan.<br>▪ Mengumumkan peruntukan besar dari segi kewangan untuk membantu rakyat susulan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) semasa pendemik COVID-19 |
| Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob | ▪ Memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 8

# KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA

## NOTA REFEKTIF

### PERKEMBANGAN AWAL EKONOMI MALAYSIA

| Ekonomi Tradisional | | Ekonomi Komersial | |
|---|---|---|---|
| **Sektor Pertanian** | **Sektor Perlombongan** | **Sektor Pertanian** | **Ekonomi Perlombongan** |
| Sawah padi | Bijih timah | Sawah padi dan ladang getah | Emas |
| Kaedah membajak | Mendulang | Jentera penuai | Jentera kapal korek |
| Modal kecil | | Modal besar | |
| Kurang tenaga kerja | | Banyak tenaga kerja | |
| Untuk keperluan sendiri dan keluarga | | Untuk kegunaan tempatan dan eksport | |

| Industri | Dahulu | Kini |
|---|---|---|
| **Pertanian** | <br>Mengusahakan sawah padi | <br>Menggunakan jentera penuai |
| **Perlombongan** | <br>Mendulang bijih timah | <br>Menggunakan jentera kapal korek |

## NOTA EFEKTIF

### KEGIATAN EKONOMI PEMACU KEMAJUAN NEGARA

- Kegiatan ekonomi dalam bidang industri semakin berkembang di negara kita.
- Perkembangan ini telah menyumbang kepada pendapatan dan kemajuan negara.

| Sektor Industri | Sumbangan |
|---|---|
| Industri getah dan kelapa sawit    | 1 Meningkatkan pendapatan negara<br>2 Menyediakan peluang pekerjaan<br>3 Mewujudkan industri hiliran<br>4 Memajukan industri asas tani<br>5 Membangunkan industri biodiesel |
| Industri petroleum dan gas   | 1 Mewujudkan peluang pekerjaan<br>2 Menyediakan biasiswa untuk melanjutkan pengajian<br>3 Melahirkan usahawan menerusi pembukaan stesen minyak.<br>4 Petronas menaja sukan pemotoran seperti Grand Prix Malaysia |
| Industri automatif  | 1 PROTON dan PERODUA telah meningkatkan ekonomi negara.<br>2 Proton Saga merupakan model kereta pertama negara yang dikeluarkan pada bulan 1985.<br>3 Kejayaan ini mendorong perkembangan industri berat dan teknologi di negara kita. |
| Industri pelancongan   | 1 Tapak dan bangunan bersejarah<br>2 Keindahan alam semula jadi<br>3 Keharmonian masyarakat dan keunikan budaya<br>4 Agropelancongan<br>5 Penganjuran sukan, muzik dan pameran antarabangsa |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA

1 Bangga dengan keluaran barang berjenama negara.

2 Melancarkan Kempen "Beli Barangan Buatan Malaysia" pada tahun 1985.

3 Barangan tempatan telah mencapai kualiti untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa.

| Produk | Hasil Produk |
|---|---|
| Hasil Barangan Tempatan | **Produk Pertanian**<br>Minyak masak, sabun, buah nanas dan buah durian<br><br>**Produk Petroleum**<br>Minyak petrol, minyak pelincir, gas untuk memasak<br><br>**Produk Automotif**<br>Motosikal, kereta |
| Pembangunan | Ada bangunan pencakar langit sebagai mercu tanda yang menjadi lambang kemakmuram negara. |
| Perhubungan | Jaringan perhubungan moden yang terancang. |
| Perdagangan | Kegiatan e-dagang semakin berkembang maju. |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# UNIT 9 SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### PENCAPAIAN SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA

| Persatuan | Peranan |
|---|---|
| 1 Persatuan Bola sepak Malaysia (BAM) | – Menganjur pertandingan bola sepak Liga Malaysia<br>– Melahirkan pemain berbakat seperti Soh Chin Ann, James Wong, dan Safawi Rashid. |
| 2 Persatuan Badminton Malaysia (BAM) | – Menganjur Kejohanan Badminton Kebangsaan<br>– Melahirkan atlet kebanggaan seperti Punch Gunalan, Misbun Sidek dan Lee Chong Wei. |
| 3 Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) | – Menganjur Kejohanan Olahraga Kebangsaan<br>– Melahirkan atlet kebanggaan negara seperti Dr. M Jegathesan, Rabuan Pit dan Watson Nyambek. |
| 4 Konfederasi Hoki Malaysia | – Menganjurkan Pertandingan Liga Hoki Kebangsaan.<br>– Melahirkan pemain berbakat seperti Mirnawan Nawawi, Poon Foke Loke, dan Sarjit Singh. |

### ATLET-ATLET KEBANGGAAN NEGARA

| Atlet | Acara Sukan |
|---|---|
| 1 Lee Chong Wei | Badminton |
| 2 Nicol Ann David | Squasy |
| 3 S. Kuhan | Hoki |
| 4 Pandelela Renong | Renang |
| 5 Mohd Azizulhasni Awang | Pelumba Basikal |
| 6 Team Secret My (e-Sukan Malaysia) | PUBG |
| 7 Nurul Huda Abdullah (Ch'ng Shu Lin) | Renang |
| 8 Abdul Malek Mohamad Noor | Bina badan |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

## ATLET CEMERLANG SUKAN PARALIMPIK

| Atlet | Acara Sukan |
|---|---|
| 1 Bonnie Bunyau Gustin | Angkat berat |
| 2 Muhammad Ziyad bin Zolkefli | Lontar peluru |
| 3 Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi | Olahraga larian 100m |
| 4 Abdul Latif bin Ramly | Lompat jauh |

## SUKAN ALAT PERPADUAN DAN KEHARMONIAN KAUM

- Penganjuran sukan di Malaysia melibatkan pelbagai kaum telah mewujudkan perpaduan.
- Aktiviti sukan diadakan dari peringkat sekolah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

1. Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
2. Dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S)
3. Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
4. Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)
5. Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT)
6. Sukan Paralimpik (OKU)

## SUKAN ANTARABANGSA DI MALAYSIA

| Jenis Sukan | Faedah penganjuran |
|---|---|
| Sukan SEA – 1965, 1971, 1977, 1989, 2001, 2017 | Merapatkan hubungan antara negara-negara serantau |
| Piala Thomas – 1970, 1984, 1988, 1992, 2000, 2010 | Membawa imej gemilang kepada negara |
| Hoki Piala Dunia – 1975 | Mendorong pembangunan sukan hoki negara |
| Sukan Permotoran (MotoGP) dan SBK – Bermula 1991 | Menjanakan pendapatan negara |
| Le Tour De Langkawi – Acara tahunan sejak 1996 | Membantu mempromosi destinasi pelancongan di Malaysia |
| Sukan Komanwel 1998 – (Negara pertama sebagai penganjur) | Memupuk semangat setia kawan sesama anggota KOMANWEL |
| Formula One (2000) dan Formula E– (2014) | Menarik kehadiran peminat sukan permotoran dari seluruh dunia |
| Piala Monsun – Acara tahunan sejak 2005 | Acara penutup dalam kalendar kejohanan |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### TOKOH-TOKOH INSPIRASI SUKAN NEGARA



**Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah**

- Baginda dikenali sebagai "Bapa Hoki Negara"
- Dilantik sebagai Presiden Persekutuan Hoki Malaysia (1985-2004)
- Naib Presiden Federation International Hockey (FIH) 1992-2000
- Atas inisiatif baginda Kejohanan Hoki Piala Sultan Azlan Shah dipertandingkan di negara kita sejak tahun 1992



**Dato' Peter Velappan**

- Penolong Setiausaha Agung FAM (1963-1980)
- Setiausaha Agung Asian Football Confederation (AFC) 1978-2007
- Pengurus dan jurulatih pasukan bola sepak negara dalam pusingan kelayakan Sukan Olimpik 1972.
- Pengarah Koodinasi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Piala Dunia (FIFA) pertama di Asia 2002 yang diadakan di Jepun dan Korea Selatan.



**Dato' Sieh Kok Chi**

- Seorang atlet Polo Air menyumbang pingat Perak dalam Sukan SEAP 1965.1967, 1969
- Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM)1992 – 2015
- Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA di Brunei 1999
- Ahli Kehormat Persekutuan Sukan SEA 2002



**Mokhtar Dahari**

- Lagenda bola sepak negara.
- Digelar "Supermokh
- Membantu Malaysia menjuarai Piala Kejohanan Pestabola Merdeka sebanyak 3 kali





**Dr. M. Jegathesan**

- Atlet Sukan Pecut .
- Di gelar "Manusia Terpantas Asia"
- Mewakili negara dalam tiga kejohanan Sukan Olimpik



**M. Rajamani**

- Atlet olahraga wanita negara
- Pencapaian cemerlang dalam acara 200m, 400m, 800m dan 4x100m pada peringkat antarabangsa



**Tan Aik Huang**

- Atlet Badminton perseorangan negara berprestij dunia
- Juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Terbuka ALL England 1966.


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

UNIT 10

# MALAYSIA DAN DUNIA

## NOTA EFEKTIF

### MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

**Serantau**

- Menganggotai tiga pertubuhan serantau.
- Serantau bermaksud keanggotaan terdiri daripada beberapa buah negara yang berjiran.

**Pertubuhan Serantau yang dianggotai oleh Malaysia**

**1 Sautheast Asia Friendship And EconomicTreaty (SEAFET)**
- Disertai pada tahun 1959
- Dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu,Thailand dan Filipina

**2 Association Of Southeast Asia( ASA)**
- Disertai pada tahun 1961
- Dianggotai oleh persekutuan Tanah Melayu, Thailand dan Filipina.

**3 Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)**
- Disertai pada tahun 1967
- Awalnya dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura.

**Antarabangsa**

- Malaysia menganggotai empat pertubuhan antarabangsa setelah mencapai kemerdekaan.

**Pertubuhan Antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia**

**1 Komanwel**
- Disertai setelah mencapai kemerdekaan pada 1957
- Keanggotaan terdiri daripada negara bekas tanah jajahan

**2 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**
- Disertai oleh Malaysia setelah merdeka
- Keanggotaan terbuka kepada semua negara

**3 Pertubuhan Kerjasama Islam**
- Disertai bermula Tahun 1969
- Pada awalnya keanggotaan sebanyak 57 buah negara

**4 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)**
- Disertai pada tahun1970
- Keanggotaan terdiri daripada 120 buah negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Selatan

# NOTA EFEKTIF

## MALAYSIA DAN ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATION

**Latar Belakang ASEAN**

- Ditubuhkan pada 8 Ogos 1967
- Kini dianggotai 10 buah negara Asia Tenggara
- Ibu pejabat terletak di Jakarta

**Matlamat**

1. Menjamin keamanan dan kestabilan politik
2. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan kebudayaan
3. Menjamin kerjasama dalam bidang latihan dan pendidikan
4. Meningkatkan taraf hidup penduduk.

**Negara-negara ASEAN**

Malaysia, Singapura,Filipina, Brunei, Laos, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Thailand, Vietnam, Kemboja.

**Makna Logo ASEAN**

- Biru – Keamanan dan kestabilan
- Merah – Semangat dan dinamisme
- Kuning – Kemakmuran
- Putih – Kesucian
- 10 tangkai padi – Impian pengasas ASEAN diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan antara 10 buah negara anggota ASEAN

**Faedah penyertaan Malaysia dalam ASEAN**

| Keamanan dan Kestabilan Politik | Pertumbuhan Ekonomi dan Sosial | Latihan dan Penyelidikan |
|---|---|---|
| • Mengelakkan campur tangan kuasa luar menerusi Deklarasi Kuala Lumpur 1971 yang mengisytiharkan ASEAN sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). | • Menjalin kerjasama projek ekonomi dalam perindustrian baja urea di Bintulu, Sarawak.<br>• Menjadi tuan rumah penganjuran Sukan SEA. | • Pembinaan Regional Centre for Education in Science and Mathematic (RECSAM) di Pulau Pinang. |

**Sumbangan Malaysia dalam ASEAN**

- Menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri luar ASEAN
- Membantu menangani isu pencerobohan Vietnam terhadap Kemboja
- Membantu meredakan konflik politik di Selatan Filipina
- Mengutarakan penubuhan ZOPFAN
- Menyertai Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO)


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# NOTA EFEKTIF

## MALAYSIA DAN KOMANWEL



**Latar Belakang Komanwel**

1 Dibentuk pada 11 Disember 1931.
2 Dianggotai 54 buah negara bekas tanah jajahan British kecuali Mozambique dan Republik Rwanda .
3 Ibu pejabat Sekretariat komanwel terletak di London, England

**Matlamat Komanwel**

1 Membina semangat setia kawan sesama negara anggota.
2 Mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan ekonomi, kesihatan serta belia dan sukan pembangunan kebudayaan
3 Menjamin kerjasama dalam bidang latihan dan pendidikan

**Faedah penyertaan Malaysia dalam Komanwel**

| Bidang | Faedah |
|---|---|
| 1 Pendidikan | • Memberi peluang kerjasama antara anggota bagi meningkatkan taraf pendidikan.<br>• Mewujudkan peluang bagi rakyat Malaysia untuk melanjutkan pendidikan tinggi dalam pelbagai bidang melalui tawaran biasiswa Komanwel. |
| 2 Perdagangan | • Berpeluang untuk menyuarakan pandangan dan bertukar idea dengan negara anggota Komanwel tentang isu pembangunan ekonomi.<br>• Memudahkan barangan buatan Malaysia menembusi pasaran antarabangsa khususnya di negara-negara komanwel. |
| 3 Kesihatan | • Memberi peluang kepada negara anggota untuk berkongsi pendapat dan pengalaman dalam bidang kesihatan.<br>• Memberi peluang untuk bekerjasama melalui perkongsian maklumat dan data sesama negara anggota bagi menangani wabak Covid-19. |
| 4 Belia dan Sukan | • Menganjurkan sukan komanwel pada tahun 1998.<br>• Memberi peluang kepada ahli sukan Malaysia bersaing dalam sukan Komanwel.<br>• Memberi peluang kepada belia untuk mewakili Malaysia dalam pelbagai persidangan belia anjuran Sekretariat Komanwel. |

**Sumbangan Malaysia dalam Komanwel**

1 Mengecam dasar Apateid di Afrika Selatan yang membezakan penduduk mengikut warna kulit.
2 Membantu menamatkan amalan Aparteid pada tahun 1993 hasil desakan bersama-sama negara anggota Komanwel.
3 Menjadi tuan rumah Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) pada tahun 1989.
4 Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi 1989 yang berkaitan dengan tanggungjawab mengawal dan mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### MALAYSIA DAN PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)

Malaysia antara negara pengasas Pertubuhan kerjasama Islam atau Organisation of Islamic Cooperation (OIC)

**Latar Belakang OIC**

- Ditubuh pada 25 September 1969
- Dianggotai oleh 57 buah negara
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama.
- Pejabat OIC terletak di Jeddah, Arab Saudi
- Bahasa rasmi OIC ialah bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Perancis

**Matlamat Penubuhan OIC**

Untuk mengukuhkan perpaduan dan mengeratkan hubungan sesama negara Islam serta mengekalkan keamanan.

**Faedah penyertaan Malaysia dalam OIC**

- Antara faedah penyertaan Malaysia dalam OIC
- Meningkatkan kerjasama sesama negara islam dalam pelbagai bidang seperti politik sosial dan budaya
- Mendapat bantuan pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam
- Menawarkan kemudahan biasiswa pendidikan

**Sumbangan Malaysia dalam OIC**

- Membantu penubuhan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975.
- Menangani isu Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1991.
- Menyokong penuh perjuangan rakyat Palestin menentang kekejaman Israel.
- Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983.
- Menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada tahun 1974 dan 2003.

### MALAYSIA DAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)

– Malaysia menyuarakan pandangan tentang isu global menerusi persidangan PBB.
– Penyertaan Malaysia dalam pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyumbang kepada keamanan sejagat

**Latar Belakang (PBB)**

- Ditubuhkan pada 24 Oktober 1945, selepas Perang Dunia Kedua.
- Keahlian terbuka kepada semua negara di seluruh dunia.
- Ibu pejabat PBB terletak di New York, Amerika Syarikat.
- Bahasa rasmi ialah bahasa Arab, Mandarin, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol.

**Matlamat Penubuhan (PBB)**

- Menjamin keamanan dan keselamatan dunia
- Menggalakkan hubungan baik antara negara anggota
- Menjalin kerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia.

**Faedah penyertaan Malaysia dalam PBB**

- Kepentingan negara dipelihara dan dipertahankan dalam sebarang keputusan yang diambil oleh PBB.
- Meneruskan peranan aktif negara dalam menyumbangkan pendapat dan pandangan tentang pelbagai isu global.
- Membantu meningkatkan komitmen negara dalam menangani pelbagai isu.


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

| Isu | Sumbangan |
|---|---|
| 1 Membawa isu perjuangan rakyat Palestin | – Berperanan dalam usaha mencari penyelesaian isu konflik rakyat Palestin-Israel |
| 2 Mendesak usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah | – Mendorong penganjuran Persidangan Antarabangsa Dadah di Vienna, Austria pada bulan Jun 1987.<br>– Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi penghormatan sebagai presiden persidangan tersebut. |
| 3 Menyelesaikan konflik antarabangsa | – Ahli tetap Majlis Keselamatan PBB 1965, 1989-1990, 1999-2000, 2015-2016<br>– Menghantar pasukan pengaman PBB ke Conggo (1961), Namibia (1989), Somalia (1992), Bosnia dan Herzegovina (1992) dan Lubnon (2007)<br>– Menghantar pasukan pemerhati PBB ke sempadan Iran-Iraq (1990) |
| 4 Menyarankan usaha meningkatkan mutu pendidikan | – Memperjuangkan prinsip “Pendidikan Untuk Semua Menerusi United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)<br>– Menganggotai Lembaga UNESCO pada tahun 2017. |

### Pengiktirafan PBB kepada Malaysia

1 Mengiktiraf Pasukan Pengaman PBB menerusi pemberian sijil dan pingat perkhidmatan PBB

2 Sumbangan individu warga Malaysia juga mendapat pengiktirafan PBB.



Tan Sri Razali Ismail
- Pengerusi Majlis Keselamatan PBB (1989-1990)
- Pengerusi Perhimpunan Agung PBB sesi ke-51(1996-1997)



Datuk Dr. Mazlan Othman
- Pengarah Hal Ehwal Angkasa lepas PBB (1999- 2002 dan 2007)
- Melaporkan aktiviti angkasa lepas kepada anggota PBB

3 Tapak Warisan Dunia Kategori Alam semula Jadi (2000)
- Taman Negara Gunung Mulu
- Taman Kinabalu, Sabah

4 Daftar Memori Dunia
- Hikayat hang Tuah (2001)
- Surat-menyurat Almarhum Sultan Kedah (1882-1943) (2001)
- Sulalatus Salatin(2002)
- Batu Bersurat Terengganu (2009)

5 Daftar Warisan Budaya Tidak ketara
- Makyung (2005)
- Dondang Sayang (2019
- Silat (2019)
- Wangkang (2020)

6 Tapak Warisan Dunia Kategori Kebudayaan
- Melaka dan George Town, Bandar Bersejarah,Selat Melaka (2008)

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.